



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## SEMPENA

**PERASMIAN KARNIVAL KEPELBAGAIAN ETNIK DAN  
WARISAN KITA**

## ANJURAN

**PERSATUAN SIAM MALAYSIA**

**21 DISEMBER 2024 (SABTU)**

**2.30 PETANG**

**MYDIN MALL BUKIT MERTAJAM  
PADA 21 DISEMBER 2024**

# **Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Saya ingin menzahirkan rasa penuh kesyukuran kepada Tuhan kerana dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini bagi karnival **Kepelbagaian Etnik dan Warisan KITA** di negeri **Pulau Pinang**.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan tahniah buat **Persatuan Siam Malaysia** di atas penganjuran program yang amat bermakna ini untuk mempromosikan kepelbagaian budaya dan membawa hasrat bagi menyatupadaukan rakyat Malaysia.

## **KARNIVAL KEPELBAGAIAN ETNIK DAN WARISAN KITA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Untuk makluman semua, karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan KITA ini merupakan program anjuran oleh Persatuan Siam Malaysia dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara. Siri pertama program seumpama ini telah diadakan

di Negeri Perlis pada bulan September, siri kedua di Negeri Perak pada bulan Oktober. Pada kali ini, siri ketiga diadakan di Negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan Bukit Mertajam.

4. Saya difahamkan bahawa karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan KITA yang akan berlangsung selama dua hari ini mempunyai 6 pengisian utama iaitu:
  - i) Pameran Rumah Etnik;
  - ii) Persembahan Kebudayaan;
  - iii) Persembahan Menora masyarakat Siam;
  - iv) Persembahan Gendang Tradisional;
  - v) Demonstrasi Gubahan Buah, Bunga dan Krathong; dan
  - vi) Pertandingan Mewarna.
5. Sebagai sebuah negara yang unik dengan pelbagai kaum, agama, bahasa, dan budaya, Malaysia adalah contoh nyata bagaimana kepelbagaian boleh menjadi sumber kekuatan. Kepelbagaian adalah aset terbesar kita. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menghargai budaya dan tradisi setiap komuniti tanpa mengira latar belakang.
6. Di Malaysia, “**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**” menjadi teras penting kerana negara ini mempunyai masyarakat yang pelbagai. Perpaduan dalam kepelbagaian bukan hanya mengenai toleransi, tetapi juga mengenai pengiktirafan

terhadap hak, kepercayaan, dan tradisi setiap individu dan kumpulan.

7. Sehubungan itu, saya percaya bahawa penganjuran karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan KITA oleh Persatuan Siam Malaysia ini akan mempromosikan semangat “Perpaduan Dalam Kepelbagaian” dan menjadi tapak integrasi kepada masyarakat yang berbilang kaum di Negeri Pulau Pinang, khususnya di sekitar kawasan Bukit Mertajam.

## **MALAYSIA MADANI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kementerian Perpaduan Negara komited menjayakan konsep Malaysia MADANI yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. MADANI bertindak sebagai ikhtiar yang menjelaskan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan. Ia adalah manifestasi usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat maju, terampil dan terangkum dan akhirnya membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain.

9. Berdasarkan gagasan Membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah membentuk visi dan kerangka Dasar Reformasi dan Dasar Perpaduan Negara serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan di bawah KPN dengan beteraskan kepada konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian.
10. Di bawah Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI, KPN juga telah memperkenalkan **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program flagship yang memayungi tiga (3) kluster aktiviti iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.**
11. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, **Badan Bukan Kerajaan (NGO)**, Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dan masyarakat keseluruhannya.
12. Oleh itu, saya mewakili KPN sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada **Pertubuhan Siam Malaysia** atas sokongan dan kerjasama melalui penganjuran program-program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan KITA. Marilah kita raikan warisan kita dengan rasa bangga, hormati kepelbagaian, dan terus menyemai kasih sayang antara satu sama lain.
14. Dengan ini, saya **merasmikan Karnival Kepelbagaian Etnik dan Warisan KITA peringkat negeri Pulau Pinang.**

Sekian, terima kasih.